

# Sultan Sharafuddin rasmi Sisfec

**P**UCHONG: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, akan merasmikan Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (Sisfec), Universiti Putra Malaysia (UPM) di Hutan Simpan Ayer Hitam, di sini, Rabu depan.

Ketua Seksyen Komunikasi Korporat UPM, Khairul Anuar Muhamad Noh berkata, pusat rujukan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan itu dilengkapi dengan kemudahan fasiliti termasuk penginapan, liputan internet dan makmal.

“Kemudahan ini membuka peluang kepada pendidik dari dalam dan luar negara menjalankan penyelidikan mereka di Hutan Simpanan Ayer Hitam,” katanya.